



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

PENETAPAN SYARAT VAKSINASI LENGKAP KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Sehingga kini, jumlah peratusan pegawai awam persekutuan yang mengambil vaksin telah mencapai hampir 98 peratus, manakala kelompok mereka yang masih belum mendaftar untuk divaksin adalah kecil iaitu hanya 1.6 peratus (16,902 orang).

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam akan mewajibkan semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan untuk mengambil vaksin bagi memberikan keyakinan dan jaminan kepada orang awam serta memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Ini juga selari dengan usaha untuk mengembalikan perkhidmatan kerajaan pada tahap pengoperasian penuh berdasarkan fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dikehendaki untuk segera melengkapkan vaksinasi mereka sebelum 1 November 2021. Dalam tempoh ini pegawai yang belum divaksin hendaklah hadir secara *walk-in* ke pusat pemberian vaksin (PPV) yang telah disediakan oleh Kerajaan. Bagi pegawai yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, pegawai hendaklah mengemukakan kepada Ketua Jabatan maklumat kesihatan yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan.

Sekiranya pegawai awam masih belum mengambil vaksin selepas tempoh yang ditetapkan tanpa mendapatkan pengecualian daripada pegawai perubatan kerajaan maka pegawai tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan peraturan semasa yang berkuatkuasa. Semua pegawai awam adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 30 September 2021

Tel : 03 - 8885 3096 / 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld. 2 (11)